

Zoo Negara, pawagam kembali operasi hari ini

BH 5/3/2021 M154

Kuala Lumpur: Pembukaan semula Zoo Negara hari ini serentak hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur dan Selangor yang membenarkan pergerakan rentas daerah di Lembah Klang, kecuali Putrajaya, membawa harapan tinggi untuk pihak pengurusan yang berdepan masalah dana sejak ia ditutup pada 13 Januari lalu.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly @ Rahmat Ahmad Lana, berkata jumlah pengunjung bagaimana pun dihadkan kepada 50 peratus atau 2,500 orang berbanding waktu operasi biasa dengan saranan adalah warga Lembah Klang berikutan pergerakan rentas negeri masih dilarang.

"Kami menjangkakan warga Lembah Klang sudah cukup untuk menampung jumlah pengunjung bagi pembukaan semula Zoo Negara esok (hari ini). Penuduk di Kuala Lumpur dan Selangor sudah boleh keluar masuk antara kedua-dua negeri," katanya kepada BH di sini, semalam.

Sempena pembukaan semula Zoo Negara, beliau berkata, pi-

haknya menyediakan tawaran istimewa, iaitu diskaun harta tiket dewasa dan kanak-kanak sebanyak 20 peratus.

"Kami amat mengalu-alukan kedatangan orang ramai, bawalah ahli keluarga bersama kerana diskaun harga tiket ini istimewa untuk esok (hari ini) sahaja. Setakat ini, kami menerima pelbagai maklum balas positif dan dihujani panggilan telefon bertanyakan pelbagai perkara mengenai pembukaan semula termasuk prosedur operasi standard (SOP) yang perlu diikuti," katanya.

Katanya, tidak ada sebarang perubahan dalam operasi Zoo Negara berbanding waktu operasi sebelum ini, iaitu dibuka dari jam 9 pagi hingga 5 petang, manakala jumlah kakitangan juga tiada perubahan.

Mengenai perancangan memperkenalkan 'zoo maya' seperti diumumkan sebelum ini, beliau berkata, pihaknya sedang berbincang dengan beberapa syarikat untuk menjayakan projek berkenaan secara bersama.

Sementara itu, pengendali rangkaian pawagam turut lega kerana



Pembukaan semula Zoo Negara hari ini memberi kelegaan kepada pihak pengurusan yang berdepan kekurangan dana sejak ditutup 13 Januari lalu.
(Foto hiasan)

jaan memberi lampu hijau untuk membuka semula premis masing-masing kepada pencinta filem mulai hari ini selepas sektor itu terjejas teruk akibat pelaksanaan PKP dengan kemerosotan pendapatan dilaporkan sehingga 90 peratus dan kerugian terkumpul dianggarkan lebih RM500 juta.

Sebelum ini, Persatuan Pe-

mamer Filem Malaysia (MAFFE) sebulat suara menghentikan sementara operasi pawagam di seluruh negara sejak November lalu bagi mengelak menanggung kerugian lebih teruk, sehinggalah kebenaran membuka pintu kepada pelanggan diberi dua hari

Pengurus Perhubungan Awam dan Jenama Golden Screen Ci-

nema (GSC), Sharmine Ishak, berkata syarikat berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi lampu hijau untuk pawagam kembali beroperasi dan teruja menyambut pelanggan, sekali gus berharap dengan penurunan angka jangkitan dan suntikan vaksin yang mula diberi kepada rakyat, pawagam dapat beroperasi sepenuhnya.